

Ibu tunggal dapat rumah baharu

AHMAD ISMADI ISMAIL

30 JANUARI 2018



Julina menerima sumbangan yang disampaikan oleh Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Kol Bersekutu (PA), Tajuddin Abdul Rashid.

A- A+ (Ubah saiz teks)

SEmenyih - "Sebelum ini keadaan rumah memang teruk, kami sekeluarga tidur di ruang hadapan rumah, apabila hujan air pasti melimpah masuk kerana zink bocor," demikian luahan ibu tunggal, Julina Lassim, 47.

Menurut wanita yang tinggal di Kampung Sungai Kelubi, Beranang itu, dia terharu dan bersyukur kerana rumahnya telah dibaik pulih, malah sebahagian rumah tersebut telah dibina baharu.

"Saya berterima kasih kepada semua pihak yang sudi membantu membina rumah baharu buat keluarganya. Saya berharap Tenaga Nasional Berhad (TNB) dapat membantu orang susah lain seperti saya dalam Projek Rumah Baiti Jannati," katanya.

Julina merupakan penerima Projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Rumah Baiti Jannati sumbangan TNB dan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Sementara itu, Pengurus Besar Perkhidmatan Pelanggan Selangor, Bahagian Pembahagian TNB, Datuk Mohd Zahir Md Nagor berkata, sebagai sokongan terhadap tema kerajaan pada tahun lalu iaitu Tahun Penyampaian 2017, TNB memperuntukkan RM5.85 juta untuk melaksanakan program tersebut dengan cara membina baharu atau membelikan 117 buah rumah penerima yang layak di seluruh semenanjung.

"Peringkat Negeri Selangor pula, sebanyak 16 buah rumah telah berjaya dibaiki dan dibina sejak tahun 2008 yang mana ia melibatkan kos sebanyak RM500,000.

Katanya, bermula 2013, kos membaiki rumah dan membina rumah tersebut telah menggunakan peruntukan agihan semula zakat perniagaan TNB yang diterima daripada Pusat Zakat Selangor yang telah dipersetujui untuk memulangkannya dengan kadar tertentu.

"Sehingga kini ramai telah mendapat manfaat daripada program ini. Julina adalah antara 16 asnaf terpilih menerima rumah itu bagi peringkat Selangor sejak program dilaksanakan pada 2008," katanya.